



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN EKONOMI

29 Mei 2023

KUALA LUMPUR SEBAGAI HUB SYARIKAT PEMULA DAN INDUSTRI DIGITAL SERANTAU

Salah satu fungsi utama Kementerian Ekonomi ialah menstrukturkan semula ekonomi negara dengan membangunkan industri-industri strategik bernilai tinggi yang berkemampuan merancakkan pelaburan dan menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat. Komposisi ekonomi negara yang mempunyai komponen nilai tambah yang lebih tinggi seterusnya akan meningkatkan jumlah syarikat-syarikat berdaya saing dan berinovasi, yang akan turut memperbaiki prestasi pasaran saham negara.

Selain dari melonjakkan industri sedia ada (seperti semi konduktor, perkilangan, minyak dan gas, komoditi) ke peringkat rantai nilai yang bernilai tinggi dengan fokus kepada proses penghiliran nilai tinggi (*higher value downstreaming*), tiga sektor strategik yang diberi tumpuan oleh Kementerian Ekonomi adalah peralihan tenaga ke arah tenaga boleh baharu (*energy transition*), ekonomi digital dan keterjaminan makanan.

Kementerian Ekonomi bertanggungjawab membangunkan hala tuju sektor-sektor ini dengan menggembung usaha-usaha kerajaan dan swasta untuk merangka dasar dan program yang memangkinkan penyertaan pihak swasta.

Kerajaan telah mengumumkan dasar dan program yang teratur untuk mempercepatkan hasrat negara menjadi pemimpin serantau dalam industri berasaskan peralihan tenaga dan tenaga boleh baharu. Kerajaan juga sedang melaksanakan penstrukturkan semula rantai nilai penghasilan makanan, sebahagiannya melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) untuk menambah bekalan makanan mentah di peringkat akar umbi.

Kementerian Ekonomi kini sedang bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang terlibat di dalam ekosistem ekonomi digital (iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Komunikasi dan Digital; dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri) untuk merancakkan ekonomi digital negara.

Ia bermula dengan dua sasaran utama:

Pertama, menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepadu (*single window approach*) untuk menambahbaik ekosistem digital yang lebih berkesan. Ini akan meningkatkan jumlah dan prestasi syarikat pemula, serta mempercepatkan peralihan sektor swasta kepada ekonomi digital.

Kedua, memulakan pembangunan konsep dan penyelarasaran fungsi di antara agensi-agensi kerajaan ke arah pelaksanaan kerajaan digital (*govtech*) yang menghasilkan produk-produk perkhidmatan awam berdasarkan data dan digital secara bersepadu (*single window's govtech*).

Satu langkah utama untuk mencapai kedua-dua sasaran ini ialah meningkatkan daya tarikan Kuala Lumpur sebagai pusat syarikat pemula dan industri digital serantau untuk menarik pelaburan dan bakat digital ke negara ini. Ia memerlukan

perubahan dasar yang agresif yang mencakupi pelbagai bidang, termasuklah penyatuan usaha agensi-agensi kerajaan, proses visa pekerjaan yang lebih cekap dan terbuka, insentif digital yang lebih menarik dan penghasilan tenaga kerja dalam industri digital pada skala nasional.

Saya berpeluang berbincang dengan Jack Selby, seorang veteran yang mempunyai rekod dan kepakaran khusus dalam membangunkan hub syarikat pemula di Forum Ekonomi Qatar baru-baru ini.

Jack Selby adalah nama yang tidak asing dalam dunia digital dan syarikat pemula. Beliau adalah kakitangan terawal PayPal bersama-sama kumpulan pengasas syarikat seperti Elon Musk, Peter Thiel dan Reid Hoffman. Kumpulan pengasas PayPal ini menjadi tenaga utama yang menggerakkan industri digital dari *Silicon Valley* melalui penglibatan mereka di dalam syarikat-syarikat digital terkenal, antaranya seperti Tesla, SpaceX, Youtube, Facebook, LinkedIn dan OpenAI.

Jack Selby kini adalah Pengarah Urusan Thiel Capital dan pencetus Arizona Technology Innovation Summit.

Saya berminat menjalin perkongsian dengan beliau dalam bidang digital kerana usahanya membangunkan Arizona sebagai pusat syarikat pemula yang baru di luar *Silicon Valley*. Selepas kerjaya di *Silicon Valley*, beliau kembali ke negeri asalnya Arizona dan membangunkan Arizona sebagai pusat baru syarikat pemula, yang kini telah berjaya menarik syarikat-syarikat pemula.

Dari perkongsian tempoh hari, Jack Selby melahirkan minat untuk membantu Malaysia membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat syarikat pemula dan industri digital serantau. Kepakaran beliau akan membantu negara merangka dasar yang lebih mesra syarikat pemula dan mewujudkan jaringan kerjasama (*collaboration networking*) dalam bidang digital yang melonjakkan nama Kuala Lumpur sebagai destinasi utama industri digital di rantau ini.

Kerajaan akan mengumumkan dasar dan inisiatif khusus secara berperingkat ke arah menzahirkan cita-cita menjadikan Kuala Lumpur sebagai daya tarikan syarikat pemula serantau.

RAFIZI RAMLI
29 MEI 2023